



**PEKELILING MAJIKAN BIL. 5/1996
KOS LATIHAN BAGI PAKEJ SEWA HOTEL DAN ELAUN HARIAN PELATIH YANG
TEMPOH KURSUS BAGI SEHARI ADALAH 4 JAM DAN KURANG**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan bahawa Majlis Pembangunan Sumber Manusia dalam mesyuaratnya Bil 3/96 pada 15 Ogos 1996 telah membuat keputusan bahawa latihan luaran (external training) atau latihan dalaman (in-house training) yang dibuat di hotel yang tempoh latihan sehari selama 4 jam dan kurang, majikan layak mendapat bantuan kewangan dalam bentuk separuh daripada elaun harian pelatih atau pakej sewa hotel.

2. AMAUN BANTUAN KEWANGAN YANG LAYAK DITUNTUT OLEH MAJIKAN

- 2.1 Amaun bantuan kewangan yang layak dituntut oleh majikan adalah seperti berikut :-
- a) Latihan dalaman (in-house training) yang dijalankan di hotel yang tempoh latihan sehari selama 4 jam dan kurang, majikan layak mendapat bantuan kewangan dalam bentuk pakej sewa hotel. Amaun yang layak dituntut oleh majikan adalah RM 25 sehari bagi seorang pelatih jika jarak diantara premis majikan dengan hotel adalah dalam lingkungan 50 kilometer dan RM 75 sehari seorang, jika jarak antara hotel dengan premis majikan adalah melebihi 50 kilometer. Bagi latihan yang dijalankan melebihi 4 jam sehari, peraturan sekarang masih digunakan iaitu RM 50 atau RM 150 sehari seorang pelatih jika jarak diantara hotel dengan premis majikan adalah dalam lingkungan 50 kilometer atau jaraknya melebihi 50 kilometer.
 - b) Pelatih yang mengikuti latihan luaran (external training) yang tempoh latihan sehari selama 4 jam dan kurang, majikan juga layak mendapat kewangan dalam bentuk separuh daripada elaun harian pelatih. Amaun yang layak dituntut oleh majikan adalah maksimum RM 25 sehari bagi seorang pelatih jika jarak diantara premis majikan dengan tempat latihan adalah dalam lingkungan 50 kilometer dan maksimum RM 75 sehari seorang, jika jarak antara tempat latihan dengan premis majikan adalah melebihi 50 kilometer. Bagi latihan yang mengambil masa melebihi 4 jam sehari, peraturan sekarang masih digunakan iaitu maksimum RM 50 atau maksimum RM150 sehari bagi seorang pelatih jika jarak diantara hotel dengan premis majikan adalah dalam lingkungan 50 kilometer atau jaraknya melebihi 50 kilometer.
 - c) Amaun bantuan kewangan di (a) dan (b) adalah tertakluk kepada kadar bantuan kewangan yang dilaksanakan pada masa ini iaitu 80% bagi latihan dalam bidang teknikal, kraf dan komputer dan 75% bagi latihan dalam bidang kualiti, produktiviti, penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran.

3. PENUTUP

Pekeliling majikan Bil 5/96 ini berkuatkuasa mulai 16 November 1996.

Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menurut Perintah.

(RUSNAN BIN SAMAT)

Pengarah,

Bahagian Geran Latihan,

b.p Ketua Pengarah Majlis Pembangunan Sumber Manusia

